

AKTIVITI UNIT LKAN/AUDIT DALAM DAN SIASATAN (PROJEK) 2017

1

PELAKSANAAN KURSUS LESSONS LEARNT

LESSONS LEARNT



- 1 LEADERSHIP DIRECTION
- 2 STRATEGY READINESS
- 3 INCREASE AWARENESS LEVEL



2

MENYELARAS MAKLUMBALAS LKAN 2016 SIRI 1 DAN SIRI 2



3

MENYELARAS PELAN PEMULIHAN TEGURAN BERULANG LKAN



4

MENYELARAS MAKLUMBALAS AUDIT DALAM OLEH UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN KERJA RAYA



MENYELARAS MAKLUMBALAS LKAN 2016 SIRI 1 DAN SIRI 2



Seksyen LKAN/Audit Dalam dan Seksyen Siasatan(Projek) Bahagian, Integriti bertanggungjawab dalam menyelaraskan maklumbalas bagi Laporan Ketua Audit Negara(LKAN) bagi tahun 2016 untuk Siri 1 dan Siri 2. LKAN 2016 Siri 1 telah dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017 manakala sesi TownHall bersama media diadakan pada 3 Ogos 2017. Antara projek yang terlibat untuk LKAN 2016 Siri 1:

1. Projek Pembinaan Hospital Bera, Pahang
2. Projek Pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor
3. Projek Pembinaan Jalan Pintas Rawang di Bandar Rawang
4. Projek Pembinaan Jejambat Menghubungi Jalan Nangka Dengan Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang/Landasan Keretapi/Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Manakala, bagi LKAN 2016 Siri 2 telah dibentangkan di Parlimen pada 27 November 2017 oleh Ketua Audit Negara. Antara projek yang terlibat untuk LKAN 2016 Siri 2:

1. Projek Pembinaan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Tanah Merah
2. Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 Dari Sabak Bernam Ke Hutan Melintang
3. Projek Menaiktaraf Jalan Ayer Keroh Ke Bandar Melaka (Persimpangan Peringgit Dan Persimpangan MITC)
4. Projek Pembangunan Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan [Crops For The Future Research Centre(CFFRC)]
5. Projek Pembinaan Infrastruktur Bagi Pesawat Helikopter EC725 Di Pangkalan Udara TUDM Kuantan, Pahang
6. Projek Naik Taraf Jeti Dan Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ Dan Jeti Baru Di Jeti Kuah, Langkawi, Kedah.

MENYELARAS MAKLUMBALAS PELAN PEMULIHAN TEGURAN BERULANG



Bagi memastikan isu teguran berulang LKAN tidak menjejaskan imej Jabatan, pihak CPAB telah merangka cadangan Pelan Pemulihan Terhadap Teguran Isu Berulang LKAN bagi Projek JKR. Kertas cadangan pelan pemulihan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pengurusan (JPP) Bil.8 Tahun 2016 pada 10 Ogos 2016 dan Mesyuarat JPP telah meluluskan Cadangan Pelan Pemulihan tersebut untuk dilaksanakan oleh Jabatan. Bahagian Integriti, CDPK dalam proses mengumpul maklumat dan maklumbalas dari cawangan dan negeri sebelum dianalisa akan keberkesanan pelan tersebut.



MENYELARAS MAKLUMBALAS AUDIT DALAM OLEH UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)

Seksyen LKAN/Audit Dalam dan Seksyen Siasatan(Projek), Bahagian Integriti, CDPK bertanggungjawab dalam menyelaraskan maklumbalas Audit Dalam oleh Unit Audit Dalam Kementerian Kerja Raya (KKR).

Peranan Audit Dalam, KKR:

1. Satu fungsi bebas yang memberi kepastian(assurance) dan khidmat perundingan untuk menambahnilai dan meningkatkan tahap operasi organisasi.
2. Memberi kepastian dan khidmat perundingan kepada pengurusan/auditi mengenai sistem kawalan dalaman dan tadbir urus.



Maklumbalas Audit Dalam yang telah diselaraskan oleh Seksyen LKAN/Audit Dalam dan Seksyen Siasatan(Projek) akan dibawa semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) yang dipengerusi oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya. Mesyuarat tersebut diadakan 4 kali setahun. Pengurusan Atasan KKR telah menetapkan KPI KKR bagi menyelesaikan 95% isu berbangkit dalam Laporan Audit Dalam dalam tempoh 6 bulan selepas ianya dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Audit(JKA) KKR.